



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

4 JUN 2021

MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Pembukaan enam Pusat Pemberian Vaksin (PPV) secara pandu lalu adalah inisiatif Kementerian Pertahanan (MINDEF) bagi menyahut seruan kerajaan dalam merencanakan lagi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menjadi sebahagian daripada pasukan barisan hadapan (frontliners) sudah tentu akan terhadapan dalam program vaksinasi selaras dengan kedudukannya sebagai benteng negara yang berperanan untuk membentuk imuniti kelompok.

Justeru, rakyat disaran agar menyahut usaha dilakukan kerajaan dengan menyokong PICK bagi berganding bahu menyelamatkan negara daripada pandemik ini.

Sehingga semalam, seramai 3.33 juta penduduk telah divaksin iaitu 2.2 juta mendapat dos pertama manakala 1.1 juta sudah melengkapkan dos kedua. Sejak dilancarkan pada Februari 2021 kerajaan mensasarkan 80 peratus daripada populasi negara ini atau 26.5 juta individu menerima vaksin ini secara percuma menjelang hujung tahun, bagi membentuk imuniti berkelompok.

PKPD Kampung Dato' Ahmad Said Tambahan 2, Mukim Ulu Kinta, Kinta, Perak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Dato' Ahmad Said Tambahan 2, Mukim Ulu Kinta, Kinta, Perak.

Sehingga kini, sebanyak 24 kes positif telah direkodkan selepas KKM melakukan 243 saringan ke atas penduduk dengan kadar kebolehhajngkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Dato' Ahmad Said Tambahan 2, Mukim Ulu Kinta, Kinta, Perak berkuat kuasa 6 Jun sehingga 19 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

PKPD Taman Kerian Tambahan, Parit Buntar, Kerian, Perak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 Taman Kerian Tambahan, Parit Buntar, Kerian, Perak.

Sehingga kini, sebanyak 63 kes telah direkodkan hasil daripada keseluruhan 408 ujian saringan yang telah dilakukan oleh KKM dengan kadar positifiti 15.4%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Kerian Tambahan, Parit Buntar, Kerian, Perak berkuat kuasa 6 Jun sehingga 19 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

PKPD 3 perkampungan Batu 9 Lekir, Mukim Lekir, Manjung, Perak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di tiga (3) perkampungan Batu 9 Lekir, Mukim Lekir, Manjung, Perak iaitu:

- Kampung Tanjung Kepah
- Kampung Batu 9
- Kampung Sungai Lombong

KKM mendapati berlaku peningkatan kes yang ketara di tiga perkampungan tersebut apabila sebanyak 57 kes positif telah direkodkan hasil daripada 132 ujian saringan secara keseluruhan.

Pada masa sama, KKM mengesahkan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti itu selain kadar positifiti pula ialah 43.2%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga perkampungan seperti dinyatakan berkuat kuasa 6 Jun sehingga 19 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

PKPD Taman Berkat, Mukim Matang daerah Larut, Matang dan Selama, Perak.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Taman Berkat, Mukim Matang daerah Larut, Matang dan Selama, Perak.

Sehingga kini, sebanyak 24 kes positif telah direkodkan selepas KKM melakukan 204 saringan ke atas penduduk di lokaliti tersebut dengan kadar kebolehhangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Berkat, Mukim Matang daerah Larut, Matang dan Selama, Perak berkuat kuasa 6 Jun sehingga 19 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

PKPD 3 lokaliti dalam daerah Papar, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di tiga (3) lokaliti dalam daerah Papar, Sabah iaitu:

- Kampung Gusi Kinarut
- Kampung Tengah Kinarut
- Kampung Benoni

Sehingga kini, sebanyak 15 kes positif telah direkodkan di Kampung Gusi Kinarut hasil daripada 56 ujian saringan, lapan (8) kes daripada 18 yang disaring di Kampung Tengah Kinarut manakala lima (5) kes lagi di Kampung Benoni selepas 18 penduduk disaring.

KKM mendapati, berlaku peningkatan kes yang amat ketara dalam masa yang singkat dengan kadar kebolehhangkitan tinggi di ketiga-tiga lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga lokaliti seperti yang dinyatakan berkuat kuasa 6 Jun sehingga 19 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

PKPD Bandar Bentong, Pahang

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan perkembangan semasa kes COVID-19 di Bandar Bentong, Pahang yang merangkumi:

- Kampung Chamang Lama/Baru
- Taman Bukit Chamang
- Kawasan Perindustrian Bentong
- Kampung Baru/Taman Saga/Taman Bukit Indah
- Kampung Sungai Marong
- Taman Bukit Bentong
- Taman Hussin/Taman Syahbandar
- Kampung Perring/Kampung Kemansur/Kampung Kuala Repas
- Bentong Heights
- Rumah Murah Batu 1/PPRT Batu 1
- Taman Bentong Makmur
- Taman Harmoni
- Taman Kolej
- Taman Desa Damai

Sejak 17 Mei sehingga 31 Mei 2021, sebanyak 209 kes positif COVID-19 telah dilaporkan sekitar bandar Bentong selepas ujian saringan dijalankan ke atas 914 orang penduduk di situ.

KKM mendapati kadar kebolehjangkitan adalah tinggi manakala kadar positifiti pula direkodkan ialah 22.9%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Bandar Bentong, Pahang berkuat kuasa 6 Jun sehingga 19 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

PKPD 2 kampung Mukim Pengkalan Hulu dan 2 kampung Mukim Kerunai, Hulu Perak, Perak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) kampung dalam Mukim Pengkalan Hulu dan dua (2) kampung dalam Mukim Kerunai, Hulu Perak, Perak.

Perkampungan tersebut ialah Kampung Air Panas dan Kampung Kuak Luar, Mukim Pengkalan Hulu serta Kampung Alai dan Kampung Baharu (sebahagian dari Kampung Lalang) di Mukim Kerunai.

Sehingga kini, sebanyak tujuh (7) kes positif COVID-19 telah direkodkan di Kampung Air Panas dan Kampung Kuak Luar hasil daripada 41 ujian saringan dijalankan oleh KKM.

Manakala 42 ujian saringan juga dijalankan di Kampung Alai dan Kampung Baharu (sebahagian dari Kampung Lalang) dan 18 daripadanya disahkan positif.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 6 Jun sehingga 19 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan jangkitan di kedua-dua lokaliti ini dapat dibendung secepat mungkin.

PKPD Lorong Ulu Sibuga 5 & 9, Fasa 7 Taman Mawar, Sandakan, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Lorong Ulu Sibuga 5 & 9, Fasa 7 Taman Mawar, Sandakan, Sabah.

Sehingga kini, sebanyak 18 kes positif telah direkodkan selepas KKM melakukan 28 saringan dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Lorong Ulu Sibuga 5 & 9, Fasa 7 Taman Mawar, Sandakan, Sabah berkuat kuasa 6 Jun sehingga 19 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

PKPD Taman Wangsa, Jalan Telipok, Kota Kinabalu, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Taman Wangsa, Jalan Telipok, Kota Kinabalu, Sabah.

Sehingga kini, sebanyak sembilan (9) kes positif telah direkodkan selepas KKM melakukan 12 ujian saringan dengan kadar kebolehhajangan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Wangsa, Jalan Telipok, Kota Kinabalu, Sabah berkuat kuasa 6 Jun sehingga 19 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

PKPD Kampung Perpaduan, Pulau Banggi, Kudat, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Perpaduan, Pulau Banggi, Kudat, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 38 ujian saringan dan lapan (8) daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mendapati berlaku peningkatan kes dengan kadar kebolehhajangan yang tinggi di lokaliti ini.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Perpaduan, Pulau Banggi, Kudat, Sabah berkuat kuasa 6 Jun sehingga 19 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin.

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Penamatan PKPD Rumah Panjang Nyalu anak Francis, Mukah, Sarawak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Rumah Panjang Nyalu anak Francis, Mukah, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 6 Jun 2021.

Sehingga kini, sebanyak 150 ujian saringan telah dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), 91 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Rumah Panjang Nyalu anak Francis, Mukah, Sarawak pada 5 Jun 2021, lebih awal daripada yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Felda Kahang Timur, Kluang, Johor

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Felda Kahang Timur, Kluang, Johor yang dijadualkan tamat pada 8 Jun 2021.

Sebanyak 145 kes positif COVID-19 telah direkodkan hasil daripada 1,026 ujian saringan yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di lokaliti tersebut.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Felda Kahang Timur, Kluang, Johor pada 5 Jun 2021, lebih awal daripada yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Rumah Panjang Nyalu, Jalan Mukah-Selangau, Mukah, Sarawak

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Rumah Panjang Nyalu, Jalan Mukah-Selangau, Mukah, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 6 Jun 2021.

Sebanyak 91 kes positif COVID-19 telah direkodkan hasil daripada 150 ujian saringan dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di lokaliti tersebut.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Rumah Panjang Nyalu, Jalan Mukah-Selangau, Mukah, Sarawak pada 5 Jun 2021, lebih awal daripada yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Lubok Redan, Alor Gajah, Melaka

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Lubok Redan, Alor Gajah, Melaka yang dijadualkan tamat pada 5 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 679 ujian saringan dan 37 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Lubok Redan, Alor Gajah, Melaka pada 5 Jun 2021, seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Batu Muda Tambahan dan PPR Kampung Limau, Kuala Lumpur

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti iaitu Kampung Batu Muda Tambahan dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Limau, Kuala Lumpur yang dijadualkan tamat pada 5 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 603 ujian saringan di Kampung Batu Muda Tambahan dan 157 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Di PPR Kampung Limau pula, sebanyak 264 kes positif telah direkodkan hasil daripada 2,277 ujian saringan yang dilakukan di lokaliti itu.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan di kedua-dua lokaliti.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Batu Muda Tambahan dan PPR Kampung Limau, Kuala Lumpur pada 5 Jun 2021, seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD 3 perkampungan di Mukim Bunut Susu, Pasir Mas, Kelantan

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga (3) perkampungan di Mukim Bunut Susu, Pasir Mas, Kelantan yang dijadualkan tamat pada 5 Jun 2021.

Ketiga-tiga perkampungan tersebut ialah:

- Kampung Paya Ular
- Kampung Bechah Palas
- Kampung Tualang

Sehingga kini, KKM telah melakukan 486 ujian saringan di Kampung Paya Ular, 105 daripadanya positif COVID-19.

Di Kampung Bechah Palas pula, terdapat 94 kes positif telah direkodkan daripada 984 ujian saringan yang dilakukan manakala Kampung Tualang, sebanyak 307 ujian saringan dibuat dan 76 daripadanya positif COVID-19.

KKM juga mendapati berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan di ketiga-tiga lokaliti.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di tiga perkampungan yang dinyatakan pada 5 Jun 2021, seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Asrama Pekerja Kilang Oceanic Fabric Mill dan Asrama Pekerja Kilang Purnabina, Kluang, Johor

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Asrama Pekerja Kilang Oceanic Fabric Mill dan Asrama Pekerja Kilang Purnabina, Kluang, Johor yang dijadualkan tamat pada 5 Jun 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 117 ujian saringan di Asrama Pekerja Kilang Oceanic Fabric Mill dan daripada jumlah itu, 35 disahkan positif COVID-19.

Manakala sebanyak 103 kes positif juga direkodkan di Asrama Pekerja Kilang Purnabina, Kluang, Johor hasil daripada 140 ujian saringan yang dilakukan di lokaliti itu.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Asrama Pekerja Kilang Oceanic Fabric Mill dan Asrama Pekerja Kilang Purnabina, Kluang, Johor pada 5 Jun 2021, seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Pagar Sungai Imam, Tawau, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Pagar Sungai Imam, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 5 Jun 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 66 ujian saringan dan daripada jumlah itu, 31 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Pagar Sungai Imam, Tawau, Sabah pada 5 Jun 2021, seperti yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 86,055 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,515 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 19,846 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 946 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 924 individu dikompaun manakala 22 lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tidak memakai pelitup muka (237)
- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan di premis (186)
- Gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (160)
- Tiada penjarakan fizikal (156)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (71)
- Membawa penumpang berlebihan (63)
- Premis gagal patuhi arahan (14)
- Lain-lain (59)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 18 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas lima (5) buah kenderaan darat.

Sebanyak 105 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui 10 aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 932 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 880 SJR
Op BENTENG PDRM	- 43 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Sanitasi Awam

Semalam, sebanyak 123 operasi sanitasi meliputi 59 zon merah, zon jingga (2), zon kuning (4) dan zon hijau (2) telah dilaksanakan di seluruh negara.

Operasi sanitasi ini melibatkan 756 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 176 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 119 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 26,330 operasi sanitasi merangkumi 156 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 614 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 218,051 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 76 hotel dan 11 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 8,541 individu telah dikuarantin dan 207,149 orang dibenarkan pulang manakala 2,361 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 806 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (620), pemborong (155) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,580 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,579 premis mematuhi SOP manakala satu (1) lagi dikompaun.

Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

Semalam, seramai 84 warga asing telah menjalani ujian saringan dan lapan (8) daripadanya disahkan positif COVID-19.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 698,270 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,154 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,330 orang telah disahkan positif COVID-19 manakala 687,940 lagi adalah negatif. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**